

# Mangsa banjir dapat wang ihsan sebelum Ahad

**J**OHOR BAHRU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor yakin proses pembayaran wang ihsan RM200 kepada mangsa banjir gelombang pertama pada 19 Disember lalu, dapat diselesaikan sebelum akhir minggu ini.

Pengarahnya, Kasim Yunus, berkata urusan pembayaran wang ihsan itu kini diuruskan Pejabat Daerah, dengan diketuai pegawai daerah sendiri serta wakil rakyat, penghulu dan ketua masyarakat tempatan.

"Proses pembayaran dijalankan pada peringkat daerah, dan kami yakin ia boleh diselesaikan sebelum akhir minggu ini seperti yang diarahkan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman," katanya selepas majlis penyerahan cek RM5,000 untuk mangsa banjir oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Kebangsaan Semananjung Malaysia (Makpen) Cawangan Johor kepada kerajaan negeri di pejabatnya, di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini mengumumkan sumbangan RM200 kepada setiap keluarga mangsa gelombang banjir pertama, dan RM200 lagi kepada keluarga mangsa gelombang banjir kedua.

Kasim berkata, tiada sebarang birokrasi dilakukan yang boleh menyebabkan urusan pengagihan pelbagai bentuk bantuan kepada mangsa banjir lewat disalurkan.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan JKM akan memastikan tiada nama yang tercicir ketika menyediakan senarai lengkap bilangan sebenar keluarga mangsa banjir yang terbabit dalam banjir pertama dan kedua.

Malah, katanya, JKM negeri bekerjasama erat dengan Jawatankuasa Bencana Daerah yang dipengerusikan Pegawai Daerah dalam menyediakan senarai lengkap itu.

"Kita boleh mengesan nama dan kad pengenalan mangsa banjir yang bertindih kerana mendaftar di beberapa pusat pemindahan sementara. Kita juga berupaya menyemak kes pendaftaran palsu.

"Kita mengesan ada beberapa kes sedemikian di beberapa daerah tetapi hanya membabitkan segelintir pihak dan sudah diselesaikan," katanya.

Kasim berkata, JKM Johor juga sentiasa memastikan semua sumbangan yang diterima daripada pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor korporat akan diagihkan kepada mangsa banjir seberapa segera.

---

Oleh Abdul Razak Raaff